

Dr Mohd Yahya Mohd Ariffin



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Tindakan awal meneroka kerjaya

Antara penggerak utama untuk Malaysia mencapai status negara maju pada 2020 ialah modal insan yang dilahirkan. Tentunya negara memerlukan golongan cerdik pandai lepasan institusi pengajian tinggi (IPT) yang bijak dan berkualiti untuk menyumbang idea dan tenaga dalam pelbagai sektor awam dan swasta selain keusahawanan.

Perkembangan semasa menunjukkan bukanlah suatu yang mudah untuk mendapat pekerjaan yang diminati kerana wujud persaingan yang begitu hebat daripada bakal pekerja lepasan IPT awam dan swasta, dalam mahupun luar negara. Akibat persaingan itu, mungkin menyebabkan ramai lepasan IPT masih belum mendapat pekerjaan walaupun telah mencuba dalam tempoh bertahun-tahun.

Begitu pun, bagi mengatasi kesukaran mendapatkan pekerjaan di dunia yang penuh persaingan itu, pelajar boleh mempraktikkan beberapa panduan seperti tersebut di bawah sebagai tindakan awal meneroka kerjaya.

Menyelidik jenis pekerjaan

Tindakan pertama yang perlu dilakukan oleh pelajar ialah harus mengetahui apakah

jenis-jenis pekerjaan yang terdapat di pasaran bersesuaian dengan kelulusan yang bakal diperoleh dan minat pelajar.

Buatlah penyelidikan dan pencarian berkaitan pekerjaan serta organisasi yang menawarkannya. Kemudian, lakukan analisis dan senarai pendek pekerjaan yang sesuai dengan minat dan kelulusan pelajar.

Proaktif dalam mencari peluang

Sebagai bakal pencari kerja, pelajar perlu proaktif dalam mencari dan menghidu peluang-peluang kerja yang ada di pasaran.

Pelajar boleh mendapatkannya daripada pelbagai sumber termasuk internet, media massa, menghadiri ekspo kerjaya, rakan yang bekerja atau organisasi-organisasi bagi mendapatkan

maklumat terkini tentang peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Gunakan peluang ketika menjalani latihan industri (LI) di organisasi yang dipilih untuk membina jaringan dengan staf atau pegawai mereka khususnya individu yang menyelia pelajar. Usaha itu mungkin membuka peluang kepada pelajar untuk memperoleh pekerjaan di situ selepas menamatkan pengajian kelak.

Seperkara lagi, pelajar tidak boleh bersikap menunggu maklumat sebaliknya harus proaktif mencarinya. Apatah lagi maklumat mengenai peluang pekerjaan masa kini boleh diterokai dan diakses terus melalui Internet.

Mencari kerja yang diminati

Pelajar perlu memastikan

bahawa kerja yang dicari itu ialah pekerjaan yang diminati. Jika tidak berjaya maka carilah pekerjaan yang ada potensi untuk menimbulkan minat diri.

Kadangkala sesuatu pekerjaan yang pada awalnya tidak diminati, boleh dipupuk minatnya dan pelajar mungkin menyukai pekerjaan itu pada kemudian hari. Pepatah mengatakan 'Tak kenal maka tak cinta'. Bagaimanapun, janganlah sampai pelajar memaksa diri untuk memilih pekerjaan yang sememangnya tidak diminati. Akibat terdesak untuk bekerja akhirnya, akan memudaratkan dan memberi kesan negatif kepada organisasi dan diri sendiri.

Buat perancangan

Dalam mengurus kehidupan aspek perancangan amat penting sebelum

sesuatu tindakan dilakukan. Begitu juga dalam konteks kerjaya, pelajar harus merancang sebelum mencari pekerjaan. Perancangan harus bermula lebih awal sebelum menamatkan pengajian. Fikirkan apakah pekerjaan yang diminati dan sesuai dengan diri pelajar.

Selain itu, buat perancangan mengenai lokasi pekerjaan, kemudahan asas, pengangkutan awam, selain tempat tinggal. Sebagai tambahan, tanyalah kepada keluarga, sanak-saudara, kenalan yang sudah bekerja atau pemsyarah mengenai pekerjaan yang sesuai dengan diri pelajar. Mungkin ada pandangan yang dapat membantu.

Pelajar perlu rajin merujuk pelbagai bahan bacaan dan sumber yang boleh memberi maklumat mengenai pekerjaan yang dicari.

Mengumpul dan menyusun resume

Ketika masih belajar, pelajar harus mulai menyediakan resume merangkumi latar diri, kelayakan akademik, pembabitan dalam kegiatan kokurikulum, kegiatan kemasyarakatan, pengalaman kerja atau LI serta anugerah kecemerlangan ketika belajar di IPT.

Maklumat itu penting untuk dilihat oleh bakal majikan yang ingin menawarkan pekerjaan kepada pelajar. Seperkara lagi, selepas mereka bentuk resume, pelajar harus sentiasa mengemas kini dengan maklumat-maklumat terkini yang dicapai atau diperoleh dari semasa ke semasa.

Masa memohon pekerjaan

Ramai yang kurang pasti bilakah waktu yang sesuai untuk memohon kerja. Sebenarnya, tidak ada masa yang khusus untuk tujuan itu.

Bakal graduan boleh mula mencari dan memohon pekerjaan sebulan atau dua bulan sebelum tamat pengajian atau, mungkin selepas menamatkan pengajian, namun begitu, bergantung kepada apa yang ingin pelajar lakukan dan bilakah pelajar bersedia dari segi fizikal dan minda untuk mula bekerja. Apa yang penting pelajar sentiasa bersiap siaga dengan persekitaran kerja yang begitu cepat berubah.